

Ketagihan Skrin dalam Kalangan Belia di Lembah Klang

MOHD AZUL MOHAMAD SALLEH*
ARENA CHE KASIM
MOHD YUSZAILY MOHD YUSOF
MOHAMAD ADLI BACO
MUHAMMAD NUR IMRAN NOR ARZAMI
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Dalam era digital, teknologi adalah satu alat yang penting dalam kehidupan harian dan memberi kesan kepada pengguna seperti memudahkan kerja seharian, menjimatkan masa kemudahan komunikasi dan juga isu ketagihan. Ketagihan teknologi menjadi fenomena yang membimbangkan dan memberikan impak negatif kepada kehidupan sehari-hari. Kebergantungan kepada penggunaan teknologi komunikasi seperti telefon bimbit, gajet-gajet dan aplikasi di internet membawa kepada fenomena ketagihan skrin. Ketagihan skrin merujuk kepada kebergantungan dan taksuf secara fizikal kepada teknologi komunikasi seperti telefon pintar untuk melayari internet dan mengguna aplikasi media sosial bagi tujuan berkomunikasi, berkongsi maklumat dan kandungan dengan pelbagai pengguna yang lain. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji ketagihan skrin dalam kalangan belia di Lembah Klang. Kaedah kajian secara kuantitatif mengguna soal kaji selidik dalam kalangan belia Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Seramai 400 responden terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah Ketagihan Skrin (*Screen Addiction Test*) diadaptasi daripada instrumen *Internet Addiction Test* (IAT) dan juga instrumen *Smartphone Addiction Inventory* (SPAI) bagi mengukur tahap ketagihan skrin berdasarkan hubungan berorientasikan media sosial, keutamaan, kemerosotan fungsi diri, tingkah laku kompulsif, kebergantungan dan sikap kehidupan beragama. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS26). Kajian mendapati ketagihan skrin dalam kalangan belia di Lembah Klang berada pada min yang tinggi. Analisis Ujian T-sampel bebas mendapati tiada perbezaan yang signifikan ketagihan skrin mengikut jantina. Justeru itu, ketagihan skrin dalam kalangan belia adalah tinggi disebabkan kepelbagaian keperluan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat dalam kehidupan seharian belia.

Kata kunci: *Ketagihan skrin, ketagihan internet, belia, komunikasi, media sosial.*

Screen Addiction Among Youth in Klang Valley

ABSTRACT

In the digital era, technology is an important tool in daily life and affects users such as simplifying daily work, saving time, ease of communication and even addiction issues. Technology addiction has become a concerning phenomenon and negatively impacts an individual's life. Dependence on the use of communication technology such as mobile phones, gadgets, and applications on the internet leads to the phenomenon of screen addiction. Screen addiction refers to dependence and physical obsession with communication technology such as smartphones to surf the internet and use social media applications for the purpose of communicating, sharing information and content with various

other users. This study aims to assess of screen addiction among youth in Klang Valley and the methodology used is quantitative, employing a questionnaire. The quantitative research method uses survey questions among youth in Public Higher Education Institutions (IPTA), including Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). A total of 400 respondents participated in the study. The instruments used were the Screen Addiction Test adapted from the Internet Addiction Test (IAT) as well the Smartphone Addiction Inventory (SPAI) in measuring screen addiction based on relationship orientation with social media, compulsive behavior, priority, dependence, decline in self-function, and religious life attitude. The data analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS26). The study found that the level of screen addiction among youth in Klang Valley, is high. Independent sampel T-test analysis revealed no significant difference in screen addiction based on gender. Therefore, screen addiction among youth is high due to the diversity of communication technology needs in the daily lives.

Keywords: *Screen addiction, internet addiction, youth, communication, social media.*

PENGENALAN

Kemajuan teknologi komunikasi dan kelajuan internet global yang semakin meningkat memberi impak kepada perkembangan dan akses yang lebih baik kepada semua jenis kandungan di web seluruh dunia. Walau bagaimana pun pembangunan dan perkembangan ini memberi satu gambaran penggunaan pelbagai teknologi berasaskan skrin kepada pengguna diperingkat global mahupun lokal. Ini akan menjurus kepada peningkatan kes ketagihan skrin dalam mengguna teknologi seperti telefon pintar, komputer peribadi, dan gajet untuk mengakses maklumat, permainan video, aplikasi media sosial dan sebagainya. Sebagai contoh, AddictionHelp.com (2024) menyatakan pengguna media sosial muda di Amerika yang berumur 18 hingga 22 menyumbang 40% daripada keseluruhan rakyat yang ketagih dengan aplikasi media sosial. Manakala diperingkat lokal seperti Malaysia penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) juga memberi kesan kepada situasi ini.

Berdasarkan laporan kajian penggunaan ICT individu tahun 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan penggunaan internet bagi individu di Malaysia telah meningkat pada tahun 2022 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2023). Hal ini menunjukkan penerimaan penggunaan terhadap teknologi komunikasi dan internet adalah tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini turut disokong oleh Laporan Kajian Penggunaan Internet bagi 2022 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), mendapati trend peningkatan pengguna yang mencapai dan mengakses internet di Malaysia, iaitu meningkat sebanyak 4 peratus berbanding 88.7 peratus pada tahun 2020. Trend peningkatan tersebut didorong oleh perkembangan pesat penggunaan peranti digital. Belia berusia 18-30 tahun merupakan majoriti pengguna internet. Penyertaan dalam aplikasi rangkaian sosial menjadi aktiviti internet paling popular oleh rakyat Malaysia.

Perubahan kepada platform digital telah mewujudkan perubahan dalam penggunaan ICT untuk mengakses dan berkongsi maklumat pada masa kini. Dalam proses tersebut, platform digital juga turut memperkemas dan mempercepatkan pelbagai fungsi kehidupan pengguna termasuk pekerjaan. Peningkatan penggunaan teknologi komunikasi yang meluas telah memberi impak yang signifikan kepada masyarakat semasa, membawa kepada peningkatan ketara bagi penggunaan peralatan digital dalam pelbagai kalangan kumpulan demografi pengguna. Namun begitu, peningkatan ini atas pelbagai tujuan dan aktiviti seperti

mendapatkan maklumat serta berkomunikasi secara dalam talian. Proses ini berlaku melalui penggunaan teknologi komunikasi bagi membolehkan pengguna saling berkomunikasi dalam persekitaran maya.

Sebagai contoh, inovasi baharu dalam teknologi komunikasi seperti telefon pintar mengubah cara pengguna berkomunikasi melalui kepantasan dan kemudahan yang ditawarkan oleh peranti ini. Selain itu, aplikasi media sosial yang semakin popular juga membantu dalam mentransformasi cara pengguna berinteraksi bagi memastikan proses komunikasi antara pengguna lebih mudah dan cepat (Muhammad Adil Fikri, 2023). Peranan aplikasi media sosial sebagai manifestasi dalam paradigma teknologi *Web 2.0*. Pengguna merupakan pusat perhatian dan penyertaan sebagai prinsip asas dalam dunia penggunaan media sosial. Media sosial adalah platform yang memainkan peranan penting dalam memudahkan pengguna untuk terlibat secara aktif untuk berkongsi dan bertukar kandungan dengan mudah. Ia memberikan ruang dan peluang kepada khalayak untuk berkongsi idea serta kandungan maklumat tanpa batasan atau halangan yang signifikan.

Kehadiran dan penggunaan peranti teknologi komunikasi yang semakin meluas dalam masyarakat kini menjadikan pengguna lebih aktif berkongsi kandungan dan maklumat. Ianya bukan sebagai peranti komunikasi semata-mata, tetapi telah menjadi simbol peralihan ke arah gaya hidup digital yang semakin relevan pada masa kini. Kajian terbaharu oleh Yap dan Shahlan (2023) menunjukkan bahawa peranti ini tidak lagi memainkan peranan tradisional sahaja. Malah, ia telah berkembang menjadi alat teknologi yang serba boleh serta berkesan dalam menyesuaikan diri dengan pelbagai aspek kehidupan harian masyarakat. Sebagai contoh, peranti telefon pintar telah memainkan peranan penting dan memudahkan pelbagai aktiviti harian pengguna untuk pelbagai tujuan seperti pendidikan, transaksi kewangan, *e-hailing* dan *e-dagang*.

Pada masa kini, tidak dapat dinafikan lagi tentang pentingnya penggunaan teknologi komunikasi telefon pintar dalam kehidupan. Keperluan peranti ini semakin meningkat dengan begitu ketara, bahkan melebihi jangkauan masyarakat (Nur Ain et al., 2021). Keperluannya bermula pada tahun 2019 semenjak wabak *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19) merebak dan menyebabkan peningkatan penggunaan telefon pintar secara mendadak. Fenomena ini juga dipengaruhi oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membatasi pergerakan individu (Munawar et al., 2021). Keadaan ini menunjukkan bahawa aktiviti fizikal telah terkesan dengan signifikan. Ramai orang pada waktu ini banyak bergantung kepada telefon pintar untuk berkomunikasi, mencari maklumat, melaksanakan transaksi perbankan dan juga untuk hiburan. Menurut Junierissa (2018) telefon pintar membolehkan pengguna menjalinkan hubungan sosial meskipun jarak yang berbeza dan memberikan akses kepada sumber penting tanpa perlu keluar dari rumah.

Seterusnya, fenomena ini membawa kepada peningkatan penggunaan teknologi komunikasi dan internet dalam kalangan pelajar sekolah dan belia IPT pasca COVID-19. Keperluan pembelajaran secara dalam talian (*online learning*) terutama ketika penutupan sekolah dan institusi pengajian tinggi. Sistem pengajaran dan pembelajaran dalam talian diperkenalkan seperti Google Classroom (GC), Google Meet (GM), Zoom, Webex Meet, Teams, Quizzlet, Google Form serta melalui aplikasi yang lain seperti WhatsApp, Telegram dan sebagainya. Pihak kerajaan yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) telah membantu melalui inisiatif Peranti Siswa dengan membekalkan tablet kepada mahasiswa yang memerlukan untuk menyokong proses pembelajaran. Begitu juga dengan bantuan data internet percuma diperluas kepada golongan pelajar dan mahasiswa bagi

manfaat Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) (Harian Metro, 2023). Justeru itu, penggunaan teknologi komunikasi dan internet semakin meningkat terutama dalam kalangan golongan belia disebabkan keperluan untuk aktiviti pembelajaran khususnya carian maklumat atau sumber rujukan (Awang Koding & Zunaidah, 2018). Namun demikian, penggunaan yang kerap teknologi komunikasi dan internet boleh menyebabkan kebergantungan serta meningkatkan mereka kepada aktiviti dalam talian seperti permainan video, media sosial dan hiburan.

Kebergantungan kepada teknologi komunikasi yang mempunyai akses internet memberi peluang untuk mengguna pelbagai aplikasi seperti media sosial akan menyebabkan individu mudah meluangkan masa yang lama dengan aktiviti dalam talian (Mira Adila et al., 2017). Berdasarkan laporan SKMM (2023) berkenaan kadar penggunaan internet rakyat Malaysia adalah sekitar 5-12 jam dan menggunakannya dalam tempoh lebih 13 jam sehari. Laporan ini membuktikan kebergantungan yang sangat tinggi terhadap teknologi komunikasi dan internet. Kebergantungan kepada teknologi komunikasi iaitu telefon bimbit, gajet dan aplikasi media sosial merupakan satu simptom kepada fenomena ketagihan skrin (Nor Fazilah & Hishamudin, 2019). Konsep ketagihan skrin merujuk kepada kebergantungan dan taksud secara fizikal kepada teknologi komunikasi seperti telefon pintar, tablet atau gajet yang lain untuk mengakses aplikasi di internet.

Seterusnya, kebanyakan pengguna akan menggunakan teknologi komunikasi dan internet ini dengan mengakses laman web berunsurkan hiburan, menonton drama atas talian, permainan atas talian dan sebagainya. Contohnya, hal ini secara langsung mengganggu tumpuan terutama belia yang masih belajar kerana ia akan memberi kesan terutama sewaktu pembelajaran dijalankan, dan mereka juga akan sukar untuk memahami pelajaran serta mengambil mudah terhadap tugas yang diberikan. Aqeel dan Misra (2020) mengkaji ketagihan internet dalam kalangan pelajar prasiswazah perubatan di Agra, India mendapati ketagihan internet mempunyai hubungan signifikan terhadap pelajar berdasarkan tempoh penggunaan dan juga mengesahkan bahawa ketagihan jenis ini ditemui dalam kalangan pelajar lelaki daripada kumpulan keluarga berpendapatan tinggi.

Ketagihan skrin dalam artikel ini merujuk kepada tingkah laku berkaitan media dan melibatkan penggunaan berlebihan pelbagai peranti berasaskan skrin. Dalam artikel ini, konsep ketagihan skrin juga merujuk kepada kebergantungan dan taksud secara fizikal kepada teknologi komunikasi seperti telefon pintar untuk melayari internet dan mengguna aplikasi media sosial bagi tujuan berkomunikasi, berkongsi maklumat dan kandungan dengan pelbagai pengguna yang lain (Nor Fazilah & Hishamudin, 2019). Kajian ketagihan teknologi komunikasi digital sebelum ini tertumpu kepada ketagihan internet dan permainan video. Pelbagai terma dan instrumen digunakan serta yang telah dibangunkan seperti dibincang dalam bahagian seterusnya. Oleh itu, artikel ini membincang penggunaan skrin dan perbezaan antara jantina berkenaan isu ketagihan skrin dalam kalangan belia di sekitar Lembah Klang.

SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap penggunaan teknologi dalam kalangan pelajar banyak dilaksanakan oleh pengkaji diperingkat lokal dan antarabangsa. Kajian-kajian yang dijalankan oleh Wan Hussain dan Fadhilah (2019), Noradilah et al. (2020) dan Hayati Hussin et al. (2022) lebih berfokus kepada penggunaan teknologi komunikasi dalam pembelajaran. Kajian-kajian oleh Ika Destina et al. (2013), Che Su dan Nan Zakiah (2014) serta Nurhamizah dan Asbah (2019) pula melihat kepada aspek penggunaan peralatan komunikasi dan aplikasi di internet seperti email dan

media sosial. Penggunaan teknologi komunikasi dipengaruhi oleh faktor mudah digunakan dan bermanfaat dalam pelbagai bidang seperti pembelajaran, perniagaan dan juga perkongsian maklumat. Selain itu, sifat teknologi *Web 2.0* yang lebih fleksibel, dinamik dan aktif membantu meningkatkan penggunaan pelbagai aplikasi di internet. Antaramuka yang lebih mesra pengguna serta ciri interaktiviti juga mempengaruhi pengguna untuk terus menggunakan teknologi komunikasi dan aplikasi di internet (Mohd Azul & Nurul Madiha, 2017).

Tidak dapat dinafikan bahawa kemunculan dan kemajuan teknologi komunikasi di Malaysia telah memberikan pengaruh yang besar dalam pelbagai sektor termasuk pertanian, ekonomi, politik, pembangunan luar bandar dan sosial. Ini menunjukkan perkembangan dan peningkatan penggunaan teknologi komunikasi sebagai medium yang boleh menyediakan platform untuk pelbagai bentuk interaksi dan penyertaan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ini membuktikan penekanan yang penting dalam platform digital harus diberikan untuk membentuk interaksi dan penyertaan yang lebih dinamik antara masyarakat. Apabila berlakunya peningkatan penggunaan teknologi, ia bukan sahaja memberi impak yang positif kepada masyarakat malah juga akan mengakibatkan berlakunya peningkatan isu semasa seperti isu *scammer*, *hacker*, berita palsu, buli siber dan ketagihan skrin.

Penggunaan teknologi komunikasi memberi impak positif dan negatif kepada pengguna terutamanya belia. Sebagai contoh, penggunaan peranti telefon pintar, tablet dan gajet yang lain memberi faedah kepada belia masa kini untuk berkomunikasi, mencari dan berkongsi maklumat untuk meneruskan pembelajaran elektronik secara dalam talian. Seterusnya, aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung memberi impak yang negatif dan risiko sekiranya tidak diguna dengan baik dan terkawal (Drago, 2015). Namun begitu, penerimaan teknologi komunikasi dalam pembelajaran elektronik juga secara tidak langsung membawa kepada kebergantungan penggunaan telefon pintar, aplikasi media sosial serta aktiviti dalam talian yang lain. Kebergantungan yang tinggi terhadap teknologi komunikasi dan aplikasi di Internet akan membawa kepada ketagihan skrin dalam kalangan pengguna seperti kanak-kanak, remaja dan belia (Nor Fazilah & Hishamudin, 2019). Kesan dari penggunaan yang tidak terkawal, taksu atau kebergantungan pada tahap yang tinggi akan memberi kesan yang negatif kepada belia.

Sebagai contoh, kajian oleh Chen et al. (2017) juga menemukan bukti bahawa ketagihan skrin telefon pintar merupakan perkara umum dalam kalangan pelajar kolej perubatan Malaysia. Mereka yang telah menyatakan tentang wujudnya fenomena ketagihan dalam kalangan belia. Penggunaan teknologi komunikasi dalam kalangan belia di Malaysia semakin ketara dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Artikel ini membincang dengan khusus mengenai ketagihan skrin dan internet dalam kalangan belia. Malah, kelebihan utama penggunaan teknologi komunikasi dalam kalangan belia adalah menyediakan kemudahan akses kepada maklumat dan komunikasi yang cepat dan mudah. Contohnya, belia mendapati bahawa mereka boleh mendapatkan maklumat dengan mudah seperti berita terkini dan bahan pembelajaran. Selain itu, mereka juga dapat memuat turun aplikasi tertentu untuk meningkat atau membantu dalam komunikasi bagi kegunaan harian. Seterusnya ia juga merupakan salah satu kelebihan dalam penggunaan teknologi komunikasi pada masa kini

Selain itu juga, teknologi komunikasi merupakan peralatan yang memudah proses komunikasi. Contohnya, kemudahan untuk mendapatkan berkongsi maklumat dan berinteraksi melalui internet yang sangat meluas ini menyebabkan belia menjadi taksu sehingga memberikan kesan negatif kepada perilaku dan tingkah laku mereka. Konsep interaktiviti merupakan satu keupayaan peranti teknologi komunikasi digital untuk

menyediakan kemudahan komunikasi, interaksi dan hiburan. Contohnya, telefon pintar mempunyai antaramuka pengguna yang mudah digunakan dalam memberi pengalaman menarik bagi pengguna masa kini, terutama belia. Melalui penggunaan peranti ini, belia dapat menggunakan pelbagai aplikasi di internet dengan melayari laman tertentu bagi mendapatkan kandungan hiburan dengan pantas dan efisien. Aktiviti ini akan membawa kepada isu kebergantungan dan seterusnya ketagihan skrin yang melibatkan individu dari pelbagai kumpulan umur pengguna. Namun begitu, skop artikel ini memberi fokus kepada golongan belia untuk memahami penggunaan teknologi komunikasi yang menyumbang kepada isu ketagihan skrin.

Penggunaan istilah ketagihan ini juga merujuk kepada tingkah laku berkaitan media yang kompulsif dan melibatkan penggunaan berlebihan pelbagai peranti berasaskan skrin (Nor Fazilah & Hishamudin, 2019). Ketagihan skrin ini bermula daripada penglibatan media yang obsesif dan boleh menyebabkan tindakan yang bermasalah atau patologi yang ketara. Ketagihan terhadap skrin telah menjadi isu yang semakin dititikberatkan sejak kebelakangan ini. Fenomena mengenai isu ini perlu diberikan perhatian serius terutama potensi kesan negatifnya terhadap kesejahteraan pengguna terutama belia dari segi psikososial dan fizikal serta prestasi akademik.

Menurut kajian Wan Nurnajihah et al. (2022), terlalu ramai yang terlibat dengan skrin boleh menyebabkan penurunan kesejahteraan mental secara menyeluruh. Penggunaan skrin yang berlebihan juga telah dikaitkan dengan penurunan kualiti hubungan interpersonal kerana individu cenderung memilih interaksi secara dalam talian daripada interaksi sosial secara bersemuka. Akibatnya, penggunaan yang berlebihan pada peralatan teknologi komunikasi boleh membawa kepada perasaan terasing dan kekitaan yang kurang dalam hidup sosial seseorang. Selain itu, ketagihan skrin juga akan memberikan kesan buruk kepada kesihatan fizikal individu. Menghabiskan masa yang lama di depan skrin juga boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi dan fisiologi pengguna secara signifikan. Penggunaan skrin teknologi komunikasi secara berlebihan seperti telefon pintar, tablet dan komputer telah menjadi faktor yang menyumbang kepada hasil negatif yang disebutkan sebelum ini.

Kajian ketagihan penggunaan terhadap pelbagai teknologi telah lama dijalankan seperti permainan video (Keepers, 1990), komputer (Shotton, 1991), internet (Young, 1996). Penggunaan teknologi komunikasi yang tidak terkawal dan secara berlebihan ini juga dianggap sebagai ketagihan tingkah laku. Kemunculan internet merupakan permulaan kepada kehidupan maya. Ketagihan internet pula adalah keinginan atau dorongan yang sangat kuat untuk menggunakan internet. Manakala Kandell (1998) mendefinisikan ketagihan internet adalah kebergantungan secara psikologi dalam penggunaan teknologi internet untuk melayari pelbagai aktiviti serta kandungannya. Malah, ia juga merujuk kepada sebarang tingkah laku yang berkaitan dengan teknologi sebagai ketagihan internet (Chou, 2001).

Pelbagai istilah digunakan dalam kajian lepas untuk menggambarkan penggunaan teknologi bermasalah iaitu ketagihan internet (Young, 1996), penggunaan internet kompulsif (Greenfield, 1999), telefon bimbit (Choliz, 2010) dan media sosial (Ejechi, 2016). Istilah ketagihan internet digunakan secara kolektif oleh ramai pengkaji bagi melihat ketagihan penggunaan teknologi komunikasi. Terdapat juga pengkaji yang memfokuskan penelitian ketagihan bahan dan aktiviti dalam internet seperti perjudian dalam talian, membeli belah, bersembang, penggunaan aplikasi media sosial iaitu Facebook (Kittinger et al., 2012), laman rangkaian sosial (SNS) (Leung & Lee, 2012) telah didapati berkaitan dengan ketagihan

internet. Internet menjadi asas kepada proses carian maklumat berasaskan secara dalam talian yang menggunakan pelbagai jenis peranti teknologi digital (Ryding & Kaye, 2018).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan soal selidik (*Survey*). Pendekatan ini membolehkan data kajian dikumpul daripada responden secara bersemuka dan dalam talian dengan mudah. Satu set soalan kaji selidik diedarkan kepada responden bagi mengkaji tahap ketagihan skrin dalam kalangan belia di Lembah Klang. Kajian ini hanya melibatkan sampel belia IPTA di Lembah Klang kerana kawasan ini merupakan hub Institusi Pendidikan Tinggi dan pembangunan teknologi komunikasi yang lebih baik. Penentuan sampel kajian ini adalah mengguna Krejcie dan Morgan (1970) dengan seramai 400 responden dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata tidak mengikut nisbah (*disproportionate stratified random sampling*). Ciri-ciri responden untuk kajian ialah belia IPTA yang mempunyai satu akaun media sosial, tempoh penggunaan lebih dari setahun dan penggunaan 4-5 jam sehari. Responden terdiri daripada belia IPTA di Lembah Klang. IPTA yang terlibat adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 134 orang, Universiti Teknologi Mara (UITM), 70 orang, Universiti Malaya (UM), 70 orang, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), 50 orang dan Universiti Putra Malaysia (UPM) seramai 76 orang.

Instrumen yang digunakan bagi memperolehi data ialah set soalan kaji selidik. Instrumen soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A iaitu Demografi yang terdiri dari maklumat diri seperti jantina, umur, bangsa, tahun pengajian dan universiti. Bahagian B: Penggunaan teknologi dan media sosial yang terdiri daripada jenis gajet, sumber capaian internet, tempoh penggunaan, jenis media sosial dan aktiviti dalam talian. Manakala, Bahagian C: Ketagihan skrin digunakan bagi meninjau tahap ketagihan penggunaan teknologi komunikasi. Konsep ketagihan skrin bagi kajian ini adalah kebergantungan dan taksu secara fizikal terhadap penggunaan teknologi komunikasi untuk mengakses kandungan serta aplikasi di internet. Instrumen ketagihan skrin diadaptasi daripada Instrumen Ketagihan Internet (IAT) oleh Widyanto dan McMurrin (2004) iaitu pemboleh ubah keutamaan (6 item), penggunaan berlebihan (6 item) dan kebergantungan (5 item). Selain itu, Instrumen *Smartphone Addiction Inventory* (SPAI) oleh Boumosleh et al. (2017) iaitu pemboleh ubah hubungan berorientasikan media sosial (6 item), kemerosotan fungsi diri (7 item), tingkah laku kompulsif (6 item) serta sikap dan kehidupan beragama (5 item). Instrumen ketagihan skrin diukur berdasarkan pemboleh ubah ini yang mengandungi 41 item berdasarkan Skala Likert 5 poin. Instrumen ketagihan ini bertujuan menilai penggunaan teknologi komunikasi yang menyebabkan pelbagai impak seperti hilang kawalan diri, implikasi negatif dari aspek fizikal, mental dan emosi serta kemerosotan fungsi diri. Pemilihan ini bersesuaian dengan dapatan awal kajian ketagihan skrin: penerokaan konsep dan penilaian oleh Mohamad Adli et al. (2021).

Pengujian kebolehpercayaan setiap item soalan dilakukan melalui kajian rintis dengan penglibatan 30 orang responden. Hasil mendapati nilai pekali *Cronbach's Alpha* melebihi 0.7. Ini membuktikan item soal selidik ini sesuai untuk kajian ini (Nunnally, 1978). Proses kutipan data adalah secara bersemuka dan dalam talian iaitu mengguna *Google Form* serta diedarkan melalui medium aplikasi *WhatsApp*. Set soalan kaji selidik ditadbir menggunakan *Google Drive* dan telah diletakkan syarat secara automatik untuk seorang responden menjawab sekali sahaja bagi memastikan tiada pengulangan data. Selain itu, *Google Form* juga ditadbir secara automatik, iaitu responden wajib menjawab keseluruhan item soalan sebelum menghantar jawapan mereka. Terdapat enumerator di setiap IPTA bagi membantu pengedaran capaian

soalan kaji selidik dalam talian. Responden telah diberi pengenalan ringkas berkenaan tujuan kajian dan menjawab soalan kaji selidik secara sukarela. Kemudian, data yang dikumpul di analisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 26. Analisis diskriptif iaitu frekuensi, peratusan, skor min, sisihan piawaian, kebolehppercayaan dan analisis Ujian T-sampel bebas.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Skop hasil kajian bagi artikel ini hanya menjelaskan tentang analisis diskriptif dan Ujian T sahaja bagi memberi gambaran tentang fenomena ketagihan skrin. Jadual 1 menunjukkan responden terdiri dari 180 orang lelaki (45.0%) dan 220 orang perempuan (55.0%). Responden terdiri dalam lingkungan umur di antara 19-30 tahun. Responden berusia 21-22 tahun seramai 147 orang (36.8%) merupakan kumpulan umur yang paling tinggi, diikuti responden berusia 23-24 tahun (27.6%). Manakala, taburan bangsa terdiri daripada 175 orang berbangsa Melayu (44.0%), Cina (20.0%), India (19.0%) dan Bumiputra Sabah/Sarawak (17.0%). Dari aspek tahap pengajian responden pula, seramai 83 orang berada di tahun pertama pengajian (21.0%), 114 orang tahun ke-2 (29.0%), 109 orang tahun ke-3 (27.0%), 29 orang di tahun akhir pengajian (7.0%) dan 65 orang pelajar diperingkat siswazah (16.0%). Taburan bagi responden Universiti adalah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) seramai 134 orang, (33.5%), pelajar Universiti Teknologi Mara (UITM) dan Universiti Malaya (UM) masing- masing seramai 70 orang, (17.5%), pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM) seramai 76 orang, (19.0%) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) seramai 50 orang (12.5%).

Jadual 1: Demografi responden

Perkara	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Jantina		
● Lelaki	180	45.0
● Perempuan	220	55.0
Umur		
● 19-20 Tahun	72	18.0
● 21-22 Tahun	147	36.8
● 23-24 Tahun	111	27.6
● > 25 Tahun	70	17.6
Bangsa		
● Melayu	175	44.0
● Cina	80	20.0
● India	75	19.0
● Bumiputra Sabah/Sarawak	70	17.0
Tahun Pengajian		
● Tahun 1	83	21.0
● Tahun 2	114	29.0
● Tahun 3	109	27.0
● Tahun 4	29	07.0
● Siswazah	65	16.0
Institusi Pengajian		
● Universiti Teknologi Mara	70	17.5
● Universiti Kebangsaan Malaysia	134	33.5
● Universiti Malaya	70	17.5
● Universiti Putra Malaysia	76	19.0
● Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	50	12.5

Sumber: Soal selidik (2022)

Jadual 2 menunjukkan taburan penggunaan teknologi komunikasi digital dan media sosial oleh responden. Telefon pintar merupakan peranti yang digunakan oleh majoriti golongan belia dengan 99.5 peratus, seterusnya komputer riba dengan 96.3% dan tablet/ipad dengan pemilikan sebanyak 62.3%. Majoriti menggunakan plan data untuk mengakses internet iaitu 99.0%, diikuti WIFI universiti (94.8%), hotspot (71.3%) dan WIFI rumah (66.5%). Taburan jenis media sosial mendapati aplikasi media sosial yang paling kerap digunakan ialah Instagram dan YouTube (97.3%), diikuti Telegram (94.3%). Seterusnya aplikasi Tiktok (81.8%), disusuli oleh Facebook (79.3%) dan Twitter (66.5%). Manakala separuh daripada responden mengguna aplikasi Netflix (59.3%) dan Snapchat (45.5%), dan merupakan penggunaan yang paling kurang. Dapatan bagi aktiviti dalam talian mendapati carian maklumat merupakan aktiviti utama penggunaan media sosial iaitu 99.5% penggunaan. Kedua aktiviti bersosial (98.5%), bersembang (97.5%), tontonan (97.0%), membaca (93.3 %) dan aktiviti permainan *video game* yang terendah iaitu 67.0%.

Jadual 2: Penggunaan teknologi dan media sosial

Perkara	Memilih (YA)	
	N	%
Jenis Gajet		
● Telefon Pintar	398	99.5
● Komputer Riba	385	96.3
● Tablet/Ipad	249	62.3
Sumber Capaian Internet		
● Plan Data	396	99.0
● Wifi Universiti	379	94.8
● Hotspot	285	71.3
● Wifi Rumah	266	66.5
Jenis Media Sosial		
● YouTube	389	97.3
● Instagram	389	97.3
● Telegram	377	94.3
● Tiktok	327	81.8
● Facebook	317	79.3
● Twitter	266	66.5
● Netflix	237	59.3
● Snapchat	182	45.5
Aktiviti dalam Talian		
● Carian Maklumat	398	99.5
● Sosial Media	394	98.5
● Bersembang	390	97.5
● Tontonan	388	97.0
● Membaca	373	93.3
● Video Game	268	67.0

Sumber N: 400 (Soal selidik, 2022)

Jadual 3 menunjukkan taburan bagi tempoh penggunaan media sosial. Hasil kajian mendapati hampir separuh belia telah menggunakan media sosial bagi tempoh 6-7 tahun (45.0%), diikuti tempoh 8-9 tahun dan lebih dari 10 tahun masing-masing seramai 81 orang (20.0%). Manakala, tempoh penggunaan media sosial dalam sehari, didapati hampir separuh

belia menggunakan media sosial dalam tempoh 5-6 jam sehari iaitu seramai 192 orang (48.0%), diikuti bagi tempoh 7-8 jam sehari iaitu seramai 113 orang (28.2%). Terdapat juga responden yang menghabiskan lebih 9 jam sehari melayari aplikasi media sosial iaitu seramai 53 orang (13.3%).

Dapatan mendapati majoriti mempunyai gajet telefon pintar, komputer riba dan tablet. Hal ini kerana, peralatan ini menjadi satu keperluan dalam kalangan belia. Selain itu, sumber capaian internet menunjukkan majoriti menggunakan data peribadi dan WIFI yang disediakan oleh Universiti. Hasil dapatan juga mendapati belia berpengalaman dalam penggunaan internet dan telah menggunakan aplikasi di internet lebih dari enam tahun. Pengalaman ini telah menambah pengetahuan dan pemahaman belia terhadap penggunaan aplikasi media sosial. Seterusnya, asas keterlibatan dan penyertaan dalam aktiviti bagi aplikasi ini adalah kemudahan internet. Semakin terdedah kepada penggunaan internet, semakin tinggi penggunaan aplikasi media sosial. Instagram merupakan aplikasi yang paling kerap digunakan oleh belia diikuti YouTube, Telegram, TikTok, Facebook dan Twitter. Manakala, carian maklumat merupakan aktiviti utama secara talian oleh golongan belia IPTA. Seterusnya adalah untuk bersosial, bersembang, tontonan, membaca dan akhir sekali aktiviti permainan video. Hal ini menunjukkan, golongan belia memanfaatkan penggunaan teknologi komunikasi dan pelbagai aplikasi media sosial untuk aktiviti pembelajaran, disamping itu menggunakannya sebagai ruang bersosial dan hiburan.

Jadual 3: Tempoh pengguna media sosial

Perkara	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Tempoh Penggunaan Media Sosial		
• Kurang 3 Tahun	6	2.0
• 4-5 Tahun	51	13.0
• 6-7 Tahun	181	45.0
• 8-9 Tahun	81	20.0
• Lebih 10 Tahun	81	20.0
Tempoh Penggunaan Media Sosial Sehari		
• 4 Jam	42	10.5
• 5-6 Jam	192	48.0
• 7-8 Jam	113	28.2
• Lebih 9 Jam	53	13.3
Total	400	100.0

Sumber N: 400 (Soal selidik, 2022)

Jadual 4 menunjukkan min mengikut setiap pemboleh ubah dalam kajian ini tentang ketagihan skrin dalam kalangan responden di Lembah Klang berada pada min yang tinggi (Min: 3.7014, SP: .37606). Hasil dapatan berdasarkan pemboleh ubah didapati penggunaan berlebihan (Min: 3.9254, SP: .47690) mencatatkan nilai skor min tertinggi, diikuti dengan keutamaan (Min: 3.8292, SP: .42461), sikap dan kehidupan beragama (Min: 3.7900, SP: .46931), kemerosotan fungsi diri (Min: 3.7621, SP: .55495), tingkah laku kompulsif (Min: 3.6546, SP: .65033), kebergantungan (Min: 3.4775, SP: .74880) dan hubungan berorientasikan media sosial (Min: 3.4708, SP: .55231).

Jadual 4: Skor Min dan Sisihan Piawaian (SP) mengikut pemboleh ubah

Pemboleh ubah	Min	SP	Tahap
1. Hubungan Berorientasikan Media Sosial	3.4708	.55231	Sederhana
2. Kemosotot Fungsi Diri	3.7621	.55495	Tinggi
3. Keutamaan	3.8292	.42461	Tinggi
4. Penggunaan Berlebihan	3.9254	.47690	Tinggi
5. Kebergantungan	3.4775	.74880	Sederhana
6. Tingkahlaku Kompulsif	3.6546	.65033	Sederhana
7. Sikap dan Kehidupan Beragama	3.7900	.46931	Tinggi
8. Min Keseluruhan Ketagihan Skrin	3.7014	.37606	Tinggi

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Hasil ujian T-sampel bebas mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara ketagihan skrin berdasarkan jantina, iaitu $t(398) = .766$, Sig $p > .444$. Jadual 5 menunjukkan hasil analisis bagi ujian T-sampel bebas ketagihan skrin berdasarkan jantina dalam kalangan belia.

Jadual 5: Analisis Ujian T terhadap jantina belia

Jantina	N	Min	t	Df	Sig
Lelaki	180	3.7173	.766	398	.444
Perempuan	220	3.6883			

Nilai Signifikan: $p > 0.05$

PERBINCANGAN

Artikel ini membincang penggunaan teknologi komunikasi, ketagihan skrin dan perbezaan berdasarkan jantina dalam kalangan belia di sekitar Lembah Klang. Hasil mendapati, aplikasi yang kerap digunakan oleh belia ialah Instagram dan YouTube (97.3%), diikuti Telegram (94.3%). Meskipun laporan kajian *Internet Users Survey 2022* oleh SKMM (2023) mendapati aplikasi Facebook adalah aplikasi yang paling kerap dan tinggi digunakan oleh rakyat negara ini, Malaysia (87.5%) diikuti oleh Instagram (63.9%) dan YouTube (76.3%). Kajian juga mendapati belia kerap menggunakan aplikasi Instagram dan YouTube berbanding aplikasi lain. Seterusnya, kajian menunjukkan tempoh penggunaan aplikasi ini dalam kalangan belia ialah 6 tahun dan ke atas. Mereka menggunakannya sekitar atau lebih 5 jam sehari. Hal ini menunjukkan belia telah berpengalaman dalam penggunaan aplikasi di internet seperti media sosial.

Dapatan ini disokong oleh hasil kajian SKMM (2023), yang menyatakan majoriti rakyat Malaysia menggunakan internet lebih 5 tahun ke atas dan majoriti golongan belia meluangkan masa penggunaan di antara 5-12 jam sehari iaitu 54.4 peratus dan, 25.8 peratus belia menghabiskan masa lebih 13 jam sehari. Berdasarkan kajian oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), pengguna dianggap sebagai ketagihan apabila menggunakannya lebih 5 jam sehari untuk mengakses internet melalui teknologi komunikasi atau skrin digital seperti telefon pintar (Rashiqah Ilmi, 2016). Hasil dapatan kajian juga menunjukkan aktiviti dalam talian belia seperti pencarian maklumat, melayari aplikasi media sosial, bersembang dan membaca. Kepelbagaian keperluan aktiviti dalam talian, menyebabkan majoriti mereka menghabiskan waktu yang

lama menggunakan skrin teknologi komunikasi dan seterusnya mendorong kepada gejala ketagihan skrin.

Selain itu, akses dan capaian maklumat di internet melalui penggunaan teknologi komunikasi seperti telefon pintar juga salah satu faktor penentu kepada ketagihan skrin. Akses kepada maklumat yang terus-menerus diperoleh melalui pelbagai aplikasi dan platform telefon pintar boleh mencetuskan keinginan untuk terus berinteraksi melalui skrin. Kajian oleh Muhammad Nur Imran (2024) menunjukkan hubungan positif antara pendedahan dan akses kepada maklumat yang terus-menerus dan tahap ketagihan skrin dalam kalangan pengguna. Penggunaan aplikasi sosial menyediakan kemudahan interaktiviti yang mesra pengguna semasa berinteraksi dengan pengguna yang lain menjadi salah satu faktor penglibatan dan penyertaan pengguna dengan skrin, dan seterusnya meningkatkan risiko ketagihan. Oleh itu, penggunaan berlebihan kepada teknologi telefon pintar atas faktor sosial dan hiburan memainkan peranan penting dalam meningkatkan ketagihan skrin terutama dalam kalangan belia. Mereka cenderung menikmati pelbagai kandungan hiburan yang disediakan melalui pelbagai aplikasi, tanpa sedar bahawa penggunaan yang berlebihan ini menyebabkan ketagihan skrin terjadi dalam kalangan mereka.

Konsep ketagihan skrin bagi kajian ini merujuk kepada kebergantungan dan taksud secara fizikal kepada penggunaan teknologi komunikasi seperti telefon pintar, aplikasi internet dan gajet. Hasil mendapati secara deskriptifnya, responden mempunyai ketagihan skrin yang tinggi. Ketagihan skrin diukur berdasarkan skor min setiap pemboleh ubah. Kajian ini menyokong hasil kajian yang dilaksanakan oleh Awang Koding dan Zunaidah (2018), Nur Anisha Syafiqah dan Siti Aishah (2020) serta Nurul Husna dan R Zirwatul Aida (2022) yang menyatakan kebergantungan untuk mengakses maklumat di internet dalam kalangan belia IPT di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang adalah tinggi. Selain itu, kajian Ida Nadiera dan Ratna Roshida (2021) juga mendapati pelajar universiti mengalami ketagihan skrin digital atas sebab tertentu seperti untuk tujuan dan keutamaan mencapai maklumat, aplikasi media sosial dan sebagainya. Ketagihan skrin ini akan memberikan kesan atau impak kepada rutin dan gaya hidup seharian belia masa kini. Contohnya, mereka lebih suka bersendirian, kurang bergaul dan bersosial. Selain itu, kajian sebelum ini juga telah menyatakan antara kesan dari ketagihan terhadap diri pengguna adalah tekanan psikologi, kurang keyakinan dan harga diri, gangguan psikososial seperti pengasingan diri, kurang sabar, gangguan emosi dan masalah dalam hubungan sosial.

Kajian oleh Mutiara dan Cahya (2022) mengenai penerimaan teknologi dalam pendidikan melalui penggunaan peralatan teknologi komunikasi yang berlebihan untuk tujuan akses maklumat dan hiburan boleh menyebabkan ketagihan skrin. Seterusnya, mereka juga menekankan kepentingan menggunakan teknologi untuk tujuan pendidikan bukannya semata-mata untuk hiburan. Keberkesanan dalam perkongsian maklumat secara dalam talian adalah signifikan untuk meneruskan aktiviti harian di samping berhadapan dengan norma baharu seperti PKP. Penyampaian dan penerimaan maklumat secara dalam talian merupakan suatu pergerakan maklumat secara maya (Mohd Nur Azeem & Harifah 2021). Justeru itu, perkongsian maklumat juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan fenomena ketagihan skrin berlaku dalam kalangan belia.

Kajian ini menunjukkan aktiviti dalam talian mengguna skrin teknologi komunikasi dapat menyokong pencarian maklumat dan berguna untuk akademik dan kehidupan harian. Peranti teknologi komunikasi dapat memberi sumber pengetahuan yang berguna serta bermanfaat untuk pembelajaran dalam kalangan belia. Selain itu, belia juga gemar

menggunakan internet dengan tujuan untuk mendapatkan kandungan hiburan dengan cara bersempang di rangkaian sosial atau chat, memuat turun lagu, klip video, gambar dan mengemaskini laman sosial atau mengikuti perkembangan trend semasa. Kajian ini menyatakan ketagihan skrin dalam kalangan belia menyokong dakwaan bahawa penggunaan peralatan teknologi komunikasi yang berlebihan dan taksu untuk tujuan mencari maklumat dan hiburan.

Seterusnya, faktor seperti kesalinghubungan dalam penggunaan dan perkongsian melalui aplikasi video seperti TikTok dan YouTube, membolehkan pengguna untuk memberi respons dan bertindak balas secara langsung terhadap kandungan yang dikongsi akan memberi peningkatan kepada ketagihan skrin dalam kalangan belia. Hal ini menunjukkan aplikasi seperti ini membuatkan belia mendapat kepuasan ketika berkomunikasi dan berkongsi kandungan dengan pengguna lain. Dalam dunia moden yang serba canggih, hubungan antara pengguna dan kenalan baru dibina dengan mudah melalui pelbagai platform komunikasi yang disediakan dalam peralatan teknologi komunikasi seperti telefon pintar, tablet dan sebagainya.

Namun, kesalinghubungan internet tanpa had mungkin mempunyai kelebihan dalam memudah dan mempercepatkan pelbagai aktiviti harian belia, tetapi ia juga mempunyai implikasi negatif dan kemerosotan fungsi diri yang perlu diambil perhatian. Dapatan ini jelas menunjukkan betapa teknologi komunikasi telah merubah cara belia berkomunikasi tidak mengira bangsa, jantina dan sebagainya. Dalam dunia moden yang serba canggih, hubungan antara belia dan kenalan baru dapat dibina dengan mudah melalui pelbagai platform komunikasi yang disediakan dalam peralatan teknologi komunikasi. Tetapi, isu ketagihan skrin dengan jelas mampu menjejaskan hubungan sosial dan fungsi diri antara pengguna. Contohnya, pengguna akan menjadi kekok apabila bersemuka dengan orang ramai berikutan mereka terlalu selesa dengan penggunaan panggilan video secara maya.

Seterusnya, dapatan analisis Ujian-t mendapati bahawa tiada perbezaan ketagihan skrin mengikut jantina. Nilai skor min antara lelaki dan perempuan menunjukkan tiada perbezaan yang mana, nilai min bagi belia lelaki (3.7173) dan perempuan (3.6883). Oleh itu, kajian mendapati ketagihan skrin belia lelaki dan belia perempuan tiada perbezaan yang signifikan. Artikel ini selari dengan dapatan yang dijalankan oleh Nur Anisha Syafiqah dan Siti Aishah (2020) serta Awang Koding dan Zunaidah (2018) yang menyatakan tiada perbezaan mengikut jantina bagi ketagihan internet dalam kalangan belia di universiti. Hal ini membuktikan ketagihan skrin tidak mengikut jantina seseorang belia. Mereka mempunyai kebarangkalian yang sama dalam mengakses skrin peranti teknologi komunikasi dan boleh mengalami ketagihan apabila tidak mengawal penggunaannya pada masa kini. Diharap artikel ini dapat memberi maklumat tentang ketagihan skrin belia dan memberi cetusan idea untuk menjalan kajian pada masa depan dalam skop yang lebih besar lagi.

Artikel ketagihan skrin ini memfokuskan kepada penggunaan teknologi komunikasi seperti penggunaan telefon pintar dan gajet sebagai medium melayari internet serta juga aplikasi media sosial dalam aktiviti seharian belia. Hal ini kerana, kajian sebelum ini banyak memberi fokus kepada konsep ketagihan penggunaan internet dan bahan yang terdapat dalam internet secara tunggal. Oleh itu, artikel ini menjadi asas kepada pemahaman mendalam tentang ketagihan skrin teknologi komunikasi. Pada akhirnya, artikel ini diharapkan dapat memahami pola penggunaan teknologi komunikasi digital seperti telefon pintar, gajet, dan aplikasi media sosial dalam kalangan belia serta dapat mendalami ketagihan

skrin berdasarkan konsep yang telah ditetapkan ketika berkomunikasi dan mengakses seta berkongsi maklumat.

Secara tuntasnya berdasarkan artikel ini, dapat disimpulkan bahawa penggunaan yang berlebihan peralatan teknologi komunikasi digital dan ICT, khususnya seperti komputer riba, tablet, telefon pintar dan sebagainya untuk pelbagai tujuan menyumbang kepada isu ketagihan skrin dalam kalangan belia. Implikasi kajian ini memperlihatkan perlunya kesedaran dan intervensi dalam mengelola penggunaan peralatan teknologi komunikasi dan ICT, khususnya di kalangan belia, untuk mencegah dan mengatasi isu ketagihan yang mungkin timbul.

KESIMPULAN

Penerimaan terhadap penggunaan teknologi komunikasi, internet, gajet dan aplikasi media sosial begitu tinggi dalam kalangan golongan belia. Penggunaan ini adalah berdasarkan keperluan untuk menjalankan pelbagai aktiviti seperti berkomunikasi, pencarian maklumat, pembelajaran dan sebagainya. Tambahan lagi pembelajaran secara dalam talian (*online learning*) menjadi satu kaedah pembelajaran yang penting untuk meningkatkan dan memperkasa sistem pendidikan negara, serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Namun demikian, ketidakmampuan untuk mengawal kebergantungan dan taksu secara fizikal kepada ICT atau teknologi komunikasi menyebabkan belia mengalami fenomena ketagihan skrin. Hal ini juga akan merencatkan produktiviti dan aktiviti kehidupan seharian belia. Sekiranya tidak dikawal ia akan memberikan kesan kepada pelbagai isu seperti kecemerlangan akademik, kesihatan mental, kehidupan sosial, jenayah siber dan sebagainya. Walaupun penggunaan teknologi ini adalah perkara biasa dalam zaman moden ini, tetapi masyarakat perlu mengambil kira kesannya terhadap kehidupan secara keseluruhan. Oleh itu, pengguna belia harus bijak dalam menguruskan masa dan memastikan bahawa tidak terlalu bergantung kepada teknologi komunikasi dalam kehidupan seharian.

Sebaliknya, belia seharusnya didedahkan berkenaan ilmu literasi media dan maklumat berkenaan penggunaan teknologi komunikasi secara berhemah supaya mereka memahami impak terhadap ketagihan skrin dan dapat membuat kawalan sendiri terhadap penggunaan teknologi komunikasi masa kini. Hal ini kerana terdapat belia yang masih bergantung kepada teknologi komunikasi seperti telefon pintar tanpa menyedari kesan ketagihan mereka terhadap skrin teknologi ini. Dengan penemuan daripada hasil kajian ini, ia mampu menjadi saluran kepada pihak berkepentingan seperti institusi pengajian tinggi untuk memahami isu ketagihan skrin dalam penggunaan teknologi komunikasi kalangan belia. Oleh itu, semua pihak disaran menyediakan panduan atau modul bagi penggunaan teknologi komunikasi digital yang efektif. Ini bertujuan untuk memupuk penggunaannya yang lebih berfaedah dalam kalangan belia dan memberi kesedaran tentang isu ketagihan skrin. Justeru itu, kajian ini membantu dalam memahami ketagihan skrin dalam kalangan belia.

PENGHARGAAN

Kajian ini mengguna pembiayaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Geran Universiti Penyelidikan (GUP-2020-097). Tajuk kajian adalah pembinaan konstruk ketagihan skrin dan sikap belas ihsan berkomunikasi melalui media sosial dalam kalangan belia IPTA di Lembah Klang.

BIODATA

Mohd Azul bin Mohamad Salleh (PhD), Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: azul@ukm.edu.my

Arena Che binti Kasim (PhD), Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTRA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: arena@ukm.edu.my

Mohd Yuszaidy Mohd Yusof (PhD), Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan, dan Kebudayaan Melayu (BITARA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: yuszaidy@ukm.edu.my

Mohamad Adli Baco, Pelajar PhD di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: m.adli.baco@gmail.com

Muhammad Nur Imran Nor Arzami, Pelajar Sarjana di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: p125128@siswa.ukm.edu.my

RUJUKAN

- AddictionHelp.com*. (2024, March 12). Social media addiction statistics. <https://www.addictionhelp.com/social-media-addiction/statistics/>
- Aqeel, I. K., & Misra, K. S. (2020). A cross-sectional study to assess internet addiction among medical undergraduate students of government medical college in Agra, India. *International Journal of Community Education and Public Health*, 7(11), 4578-4583. <https://doi.org/10.18203/2394-6040.ijcmph20204764>
- Awang Koding Che Tom, & Zunaidah Tohalib. (2018). Hubungan antara ketagihan internet dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). *Prosiding Konvensyen Keperolehan & Felo Penghuni Kolej Kediaman UA Kebangsaan 2018*.
- Boumosleh, J. M., Jaalouk, D., & Hayashi, N. (2017). Depression, anxiety, and smartphone addiction in university students- A cross sectional study. *PLoS ONE*, 12(8), e0182239. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0182239>
- Che Su Mustafa, & Nan Zakiah Megat Ibrahim. (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: Satu analisis kualitatif. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 30(Special Issue), 43-74.
- Chen, B., Liu, F., Ding, S., Ying, X., Wang, L., & Wen, Y. (2017). Gender differences in factors associated with smartphone addiction: A cross-sectional study among medical college students. *BMC Psychiatry*, 17(1).
- Choliz, M. (2010). Mobile phone addiction: A point of issue. *Addiction*, 105(2), 373-374. <https://doi.org/10.1111/j.1360-0443.2009.02854.x>
- Chou, C. (2001). Heavy use and addiction among Taiwanese college students: An online interview study. *Cyberpsychology and Behavior*, 4(5), 573-585.
- Drago, E. (2015). The effect of technology on face-to-face communication. *The Elon Journal of Undergraduate Research in Communication*, 6(1), 13-19.
- Ejechi, E. O. (2016). Information communication technology: Are Nigeria's university students using it more for social and leisure activities? *International Journal of Humanities and Social Science*, 6(5), 67-73.
- Greenfield, D. N. (1999). Psychological characteristics of compulsive internet use: A preliminary analysis. *Cyberpsychology & Behavior*, 2(5), 403-412.
- Harian Metro*. (2023, September 20). Manfaat data internet percuma untuk PdPR. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/670441/manfaat-data-internet-percuma-untuk-pdpr>
- Hayati Hussin, Abd. Rahman Abd. Ghani, Abdul Rahim Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, & Noor Hafizah Haridi. (2022). Dimensi pelajar terhadap penggunaan medium teknologi dalam kursus hafazan al-Quran semasa COVID-19: Kajian terhadap pelajar Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 5(1), 27-36.
- Ika Destina, Ali Salman, & Mohd Helmi Abd. Rahim. (2013). Penerimaan media sosial: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti di Palembang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 125-140.
- Ida Nadiera Ngahdiman, & Ratna Roshida Razak. (2021). Hubungan antara ketagihan media sosial dengan pencapaian akademik: Kajian di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MISSSH)*, 6(7), 54-62.

- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2023, September 10). *Kenyataan media penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah 2021*. Jabatan Perdana Menteri. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5 Gallery/2 Media/4 Stats%40media/4-Pres Statement/2022/04.%20APRIL/PENGGUNAAN%20DAN%20CAPAIAN%20ICT%20OLEH%20INDIVIDU%20DAN%20ISI%20RUMAH%202021.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Pres%20Statement/2022/04.%20APRIL/PENGGUNAAN%20DAN%20CAPAIAN%20ICT%20OLEH%20INDIVIDU%20DAN%20ISI%20RUMAH%202021.pdf)
- Junierissa Marpaung. (2018). Pengaruh penggunaan gadget dalam kehidupan. *KOPASTA: Journal Program Studi Bimbingan Konseling*, 5(2).
- Kandell, J. J. (1998). Internet addiction on campus: The vulnerability of college students. *Cyberpsychology & Behavior*, 1(1), 11-17.
- Keepers, G. A. (1990). Pathological preoccupation with video games. *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry*, 29(1), 49-50.
- Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). (2022, September 10). *Pembekalan tablet inisiatif perantisiswa*. <https://perantisiswa.kkd.gov.my/>
- Kittinger, R., Correia, C. J., & Irons, J. G. (2012). Relationship between Facebook use and problematic internet use among college students. *Cyberpsychology, Behavior & Social Networking*, 15(6), 324–327.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Leung, L., & Lee, P. S. N. (2012). The influences of information literacy, internet addiction and parenting styles on internet risks. *New Media & Society*, 14(1), 117–136.
- Mira Adila Mat Saruji, Noor Hafizah Hassan, & Silfeeza Md Drus. (2017). Impact of ICT and electronic gadget among young children in education: A conceptual model. *Proceedings of the 6th International Conference on Computing and Information, Kuala Lumpur*, 25-27.
- Mohamad Adli Baco, Mohd Azul Mohamad Salleh, Arena Che Kasim, & Mohd Yuzaidy. (2021). Ketagihan skrin: Penerokaan konsep dan penilaian. *Prosiding Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan 2021 (YOURS' 21)*, 17-26.
- Mohd Azul Mohamad Salleh, & Nurul Madiha Mohd Ilham. (2017). Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 502-514.
- Mohd Nur Azeem Said, & Harifah Mohd Noor. (2021). Faktor keberkesanan penyampaian maklumat secara atas talian dalam proses pembelajaran pada era pandemik COVID-19. *Proceeding International Webinar Community Development In Southeast Asia 2021*.
- Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi. (2023). Penggunaan media sosial sebagai media baharu dan impaknya terhadap masyarakat Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 15, 24-37.
- Muhammad Nur Imran Nor Arzami. (2024). *Faktor peramal penggunaan telefon pintar terhadap ketagihan skrin dalam kalangan belia Bandar Baru Bangi Selangor* [Unpublished master's thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Munawar, Z., Herdiana, Y., Suharya, Y., & Putri, N. I. (2021). Pemanfaatan teknologi digital di masa pandemik COVID-19. *TEMATIK: Jurnal Teknologi Informasi Komunikasi*, 8(2), 160-175.
- Mutiara, T. A., & Cahya, F. N. (2022). Penerimaan teknologi dalam pendidikan studi kasus: Calon guru di Indonesia. *Jurnal Responsif Riset Sains dan Informatika*, 4(2), 222-230.

- Noradilah Abdul Wahab, Najmi Muhammad, & Mohd Sani Ismail. (2020). Analisis keberkesanan penggunaan ICT dalam mendepani gelombang revolusi industri 4.0 dalam kalangan pelajar di negeri Terengganu, *Malaysia*. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 101-109.
- Nor Fazilah Noor Din, & Hishamudin Isam. (2019). Penyerlahan identiti remaja kesan ketagihan skrin di media sosial. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(1), 70-88.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory* (2nd ed.). New York, NY: McGraw-Hill.
- Nur Ain Md Lukmanul Hakim, Nur Aisyah Junaidun, Nurul Syazwani Mohamad Fadzil, & Mohamad Izzuan Mohd Ishar. (2021). Persepsi pengguna internet di Malaysia semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(4), 117-125.
- Nur Anisha Syafiqah Rostan Effendi, & Siti Aishah Yahya. (2020). Hubungan di antara ketagihan internet dengan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Jengka Pahang. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 5(1), 33-42.
- Nurhamizah Hashim, & Asbah Razali. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibubapa dan anak-anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 337-352.
- Nurul Husna Morad, & R Zirwatul Aida R Ibrahim. (2022). Ketagihan telefon pintar dan ketagihan internet sebagai peramal kepada hubungan sosial dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). *UMT Journal of Undergraduate Research*, 4(2), 63-74.
- Rashiqah Ilmi Abd Rahim. (2016, August 14). Majoriti belia negara ketagih internet, media sosial berdepan risiko masalah mental. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/node/182970>
- Ryding, F. C., & Kaye, L. K. (2018). "Internet addiction": A conceptual minefield. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 16(1), 225-232. <https://doi.org/mprc>
- Shotton, M. A. (1991). The costs and benefits of 'computer addiction'. *Behaviour & Information Technology*, 10(3), 219-230.
- Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM)*. (2023). Internet users survey 2022. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/IUS-2022.pdf>
- Wan Hussain Wan Ishak, & Fadhilah Mat Yamin. (2019). Literasi ICT dalam kalangan pelajar sarjana muda. *International Journal of Education*, 4(32), 43-50.
- Wan Nurnajihah Mat Din, Ahmad Fahmi Mahamood, Mohd Erpi Mohd Ali, Abdul Jalil Ramli, Tengku Kastriafuddin Tengku Yakob, Habee Bullah Affendy, & Zuraidi Ahmad Mokhdzar. (2022). Nomophobia dalam kalangan remaja di Daerah Besut, Terengganu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 8(25), 58-77.
- Widyanto, L., & McMurrin, M. (2004). The psychometric properties of the internet addiction test. *Cyberpsychol Behav*, 7, 443-450.
- Yap, J. S., & Shahlan Surat. (2023). Pengaruh kesepian dan harga diri terhadap permasalahan penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 737-751.
- Young, K. S. (1996). *Internet addiction: The emergence of a new clinical disorder*. Paper presented at the 104th annual meeting of the American Psychological Association, August 11, 1996. Toronto, Canada.

